



Keluarga: Pemangkin Komuniti Bebas Dadah

(18 Jun 2021M/ 7 Zulkaedah 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ، وَزَيَّنَهُ بِالْعَقْلِ، وَشَرَّفَهُ بِالْإِيمَانِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
أَمَرَنَا بِالْخَيْرِ وَالْإِحْسَانِ، وَنَهَانَا عَنِ الْفُسُوقِ وَالْعِصْيَانِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْمَبْعُوثُ بِالْحَقِّ وَحُسْنِ الْبَيَانِ،
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ مَا تَعَاقَبَ الْجَدِيدَانِ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Pada hari yang mulia serta penuh dengan keberkatan ini, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjunjung segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketakwaan kepada-Nya, kita akan memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja

dan bermain telefon bimbit. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **Keluarga; Pemangkin Komuniti Bebas Dadah.**

Sidang Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai seorang Mukmin, kita bertanggungjawab untuk memastikan keluarga yang dibina sentiasa berpegang teguh dengan akidah Islam yang *syumul* di samping istiqamah dengan amal ibadah. Sekiranya setiap individu mempunyai rasa bertanggungjawab, sudah tentulah perkara-perkara yang negatif dalam kalangan masyarakat seperti penyalahgunaan dadah dan masalah sosial lain dapat dihindari.

Gejala seperti ponteng sekolah, melepak serta perpisahan dalam keluarga yang sering menjadi punca kepada kemelut sosial kini. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sehingga tahun 2020, terdapat lebih 140 ribu penagih dadah direkodkan dan daripada jumlah tersebut hampir 80% terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam.

Kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit untuk menangani permasalahan ini termasuklah dengan membina pusat-pusat pemulihan. Penubuhan pusat pemulihan dadah persendirian

(PPDP) serta kempen pendidikan pencegahan dan kesedaran kepada orang ramai turut dibuat. Namun usaha-usaha ini belum membuahkan hasil yang boleh dibanggakan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Banyak kajian menunjukkan berlaku penyalahgunaan dadah berpunca daripada institusi keluarga yang tidak harmoni dan pengaruh rakan-rakan. Ini menyebabkan ramai yang mencari jalan penyelesaian dengan cara yang salah. Masih belum terlambat untuk kita bertindak bagi mengatasinya. Oleh itu, keluarga haruslah berperanan:

Pertama: Memperkukuhkan pegangan akidah dan mengamalkan kehidupan beragama di dalam keluarga.

Kehidupan beragama yang sempurna pasti akan menghindarkan seseorang daripada gejala yang tidak sihat kerana agama adalah benteng paling ampuh dalam menjaga umat Islam daripada melakukan perkara-perkara yang negatif.

Kedua: Menjalinkan hubungan diantara ahli masyarakat.

Hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat akan meningkat kepedulian sosial dengan keadaan sekeliling. Sikap

ambil kisah dan peduli terhadap masyarakat yang terlibat dengan permasalahan sosial seperti dadah perlu diperkukuhkan. Tindakan segera yang sewajarnya seperti menasihati dan melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab sekiranya masih berterusan perlu dilakukan. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ :
مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ .

Daripada Abi Sa'id al-Qadri ra. beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Maksudnya: "Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, sekiranya dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, sekiranya tidak mampu hendaklah dia mengubah dengan hati dan mengubah dengan hati adalah selemah-lemah iman."

Ketiga: Sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang perkembangan anak-anak dari sudut jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sahsiah. Ibu bapa hendaklah mengambil berat dan ambil tahu setiap perkembangan atau perubahan anak-anak.

Keempat: Berdoa agar masyarakat sentiasa terpelihara dan dilindungi oleh Allah SWT daripada keburukan. Firman Allah dalam Surah al-Furqan ayat 74:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:

Pertama: Akidah yang mantap serta kehidupan beragama adalah tunjang bagi keharmonian sesebuah keluarga.

Kedua: Institusi kekeluargaan yang harmoni akan menghindarkan masyarakat daripada terjebak ke dalam gejala yang tidak sihat seperti penagihan dadah.

Ketiga: Setiap individu perlu berperanan dalam menyelesaikan permasalahan ini demi melahirkan masyarakat yang harmoni.

Ingatlah, mencegah lebih baik daripada mengubati.

Katakan tidak pada dadah!

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua (Bulan Jun 2021)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ﷺ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ! فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ.

اَللّٰهُمَّ اَمِنَّا فِيْ اَوْطَانِنَا وَاَصْلِحْ اٰثِمَتَنَا وَوُلَاةَ اُمُوْرِنَا وَاَشْمَلِ اللّٰهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلٰى مَلِكِنَا، كَبَاوَه دَوْلِيْ يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِيْ قَادُوْكَ بَاكِنِدَا يَغِ دَفَرْتُوَان اَكُوْغْ ك-اَنَم بَلَسْ، اَلْسُلْطَانُ عَبْدُ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّيْنِ اَلْمُصْطَفٰى بِاللّٰهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانُ حَاجِ اَحْمَدُ شَاهِ اَلْمُسْتَعِيْنِ بِاللّٰهِ، وَكَذٰلِكَ مَوْلَانَا تُوَان يَغِ تَرَاوْتَمَا تُوْن دَاتُوْء سِرِيْ اُوْتَام اَحْمَد فُوْزِيْ بِن حَاجْ عَبْد الرِّزَاق ، يَغِ دَفَرْتُوَا نَكْرِيْ قُوْلَاوْ فِينِغْ.

اَللّٰهُمَّ اَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا هٰذَا خَاصَّةً، وَعَنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepadaMu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.

Ya Allah jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan waqaf. Rahmatilah kehidupan mereka. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenankan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللّٰهِ!

۞ اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَنِ وَاِيتٰى ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿١﴾
فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.